

SEKSYEN 1

Prestasi dan Tinjauan Ekonomi

03 PERSPEKTIF KESELURUHAN

04 PRESTASI EKONOMI GLOBAL 2022

04 PRESTASI EKONOMI MALAYSIA 2022

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Sektor Pembuatan

Sektor Pertanian

Sektor Perlombongan

Sektor Pembinaan

Permintaan Domestik

Sektor Luar Negeri

Prestasi Perdagangan

Imbangan Pembayaran

Harga

Pasaran Buruh

15 TINJAUAN EKONOMI GLOBAL 2023

15 TINJAUAN EKONOMI MALAYSIA 2023

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Sektor Pembuatan

Sektor Pertanian

Sektor Perlombongan

Sektor Pembinaan

Permintaan Domestik

Sektor Luar Negeri

Harga

Pasaran Buruh

21 KESIMPULAN

22 RUJUKAN

SEKSYEN 1

Prestasi dan Tinjauan Ekonomi

Perspektif Keseluruhan

Aktiviti ekonomi yang mampan menyokong pertumbuhan berdaya tahan

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global pada 2022 menyederhana kepada 3.4% mencerminkan kelembapan ekonomi dalam ekonomi maju serta negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE). Walaupun pertumbuhan global lebih menyederhana, namun ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 8.7% pada 2022 mengatasi unjuran awal antara 6.5% – 7% dengan nilai output benar melebihi paras prapandemik. Prestasi memberangsangkan ini didorong oleh permintaan domestik dan pasaran buruh yang bertambah baik selaras dengan peralihan kepada fasa endemik. Pencapaian tersebut adalah hasil daripada peningkatan dalam aktiviti ekonomi termasuk perbelanjaan isi rumah, pelaburan dan pelancongan. Seterusnya, perkembangan menggalakkan dalam semua sektor ekonomi khususnya perkhidmatan dan pembuatan telah memberikan dorongan berterusan kepada pertumbuhan ekonomi dengan ketara pada 2022. Sementara itu, pertumbuhan ini juga disumbangkan oleh permintaan luar yang kukuh terutamanya dalam kalangan rakan dagang utama Malaysia.

Di sebalik pencapaian tersebut, ekonomi pada 2022 berdepan beberapa cabaran dengan tekanan inflasi yang semakin meningkat akibat harga komoditi dan makanan yang tinggi serta pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang menyederhana. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah holistik dan

komprehensif untuk membantu rakyat dan perniagaan dalam menangani tekanan inflasi dan kos sara hidup yang lebih tinggi.

Pada 2023, pertumbuhan global diunjur semakin menyederhana sebanyak 2.9% akibat tekanan berterusan seperti inflasi, keadaan kewangan global yang semakin ketat dan prestasi ekonomi utama yang menyederhana. Berikutan itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjur turut menyederhana dalam keadaan momentum pertumbuhan global yang lebih perlahan. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh permintaan domestik yang stabil khususnya perbelanjaan swasta serta inisiatif di bawah Belanjawan 2023 dan perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Pada masa yang sama, kelembapan permintaan luar dijangka menyederhanakan pertumbuhan eksport terutamanya produk elektrik dan elektronik (E&E) dan komoditi utama.

Dari sudut penawaran, semua sektor ekonomi dijangka mengekalkan trajektori pertumbuhan positif pada 2023 dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor lain iaitu pertanian, perlombongan dan pembinaan juga dijangka terus berkembang sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, risiko penurunan seperti konflik geopolitik yang berpanjangan, bencana berkaitan iklim dan inflasi yang kekal tinggi dijangka terus memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi global dan berpotensi menjejaskan prestasi ekonomi Malaysia. Secara keseluruhan, KDNK negara diunjur berkembang sekitar 4.5% pada 2023.

Prestasi Ekonomi Global 2022

Cabaran global memperlakan pertumbuhan

Berdasarkan laporan World Economic Outlook, Tabung Kewangan Antarabangsa pada Januari 2023, pertumbuhan global berkembang sebanyak 3.4% pada 2022 berikutan momentum pemulihan ekonomi 2021 yang terkesan dengan inflasi yang tinggi dan kekangan rantaian bekalan. Prestasi KDNK dalam kalangan ekonomi maju berkembang lebih perlahan iaitu 2.7% berikutan kadar inflasi tinggi yang melemahkan kuasa beli dan keyakinan isi rumah di samping perubahan pantas dasar monetari mengetat yang telah menggugat permintaan. Pertumbuhan ekonomi EMDE menyederhana sebanyak 3.9% disebabkan oleh permintaan yang lebih perlahan dan penurunan pertumbuhan eksport barangan mengatasi pemulihan dalam industri pelancongan.

Perdagangan dunia berkembang sederhana iaitu 5.4% mencerminkan keseluruhan aktiviti ekonomi yang semakin perlahan. Ekonomi maju merekodkan pertumbuhan eksport sebanyak 4.2% dan import 6% iaitu lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya. Perdagangan dalam EMDE juga menyederhana dengan kadar pertumbuhan yang lebih rendah dicatatkan bagi eksport iaitu sebanyak 3.3% dan import 2.4%.

Inflasi global mencatatkan 8.8% pada 2022 sejajar dengan harga makanan dan bahan api yang lebih tinggi. Kadar inflasi merekodkan 7.3% dalam kalangan ekonomi maju dan 9.9% dalam EMDE.

Prestasi Ekonomi Malaysia 2022

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Menerajui pertumbuhan

Sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 10.9% pada 2022 terutamanya disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; pengangkutan dan penyimpanan; serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Prestasi ini disumbangkan oleh peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan susulan pembukaan semula sempadan antarabangsa, peningkatan perbelanjaan pengguna, penerimgunaan digitalisasi yang lebih tinggi merentasi semua sektor serta permintaan bagi perkhidmatan profesional yang semakin meningkat.

JADUAL 1.1. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor, 2021 – 2023 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2022 ¹	2021	2022 ¹	2023 ²
Perkhidmatan	58.2	1.9	10.9	5.3
Pembuatan	24.2	9.5	8.1	3.9
Pertanian	6.6	-0.2	0.1	1.1
Perlombongan	6.4	0.3	3.4	1.2
Pembinaan	3.5	-5.2	5.0	6.1
KDNK	100.0	3.1	8.7	~ 4.5³

¹ Awalan

² Unjuran

³ Sekitar

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan sebanyak 13.5% pada 2022 disokong oleh prestasi kukuh dalam semua segmen berikutan peningkatan perbelanjaan isi rumah terutamanya disumbangkan oleh pasaran buruh yang bertambah baik. Segmen perdagangan runcit mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 18.3% terutamanya dipacu oleh jualan runcit di kedai bukan pengkhususan dan jualan runcit di kedai khusus yang menjual barangan lain. Pertumbuhan ini selari dengan trend aktiviti perbelanjaan pelancongan yang memberangsangkan. Di samping itu, segmen kenderaan bermotor menyumbang secara signifikan kepada prestasi subsektor ini berikutan jualan kenderaan meningkat sebanyak 41.6% kepada 720,658 unit (Persatuan Automotif Malaysia, 2023).

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan melonjak sebanyak 30.8% pada 2022 didorong oleh pertumbuhan ketara dalam semua segmen berikutan peningkatan aktiviti di lebuh raya, pelabuhan dan lapangan terbang. Kadar aliran trafik di lebuh raya bertol meningkat sebanyak 56% kepada 1.7 bilion kenderaan terutamanya disebabkan oleh peningkatan aktiviti perjalanan khususnya semasa musim perayaan, cuti persekolahan dan pilihan raya umum. Peningkatan jumlah kendalian kargo dan kontena di pelabuhan disokong oleh permintaan luar yang kukuh dengan jumlah dagangan berkembang sebanyak 27.8% kepada RM2.8 trilion. Prestasi yang memberangsangkan dalam subsektor ini juga disokong oleh peningkatan ketara sebanyak 395.3% kepada 54.9 juta trafik penumpang udara di lapangan terbang sepanjang 2022 berikutan penerusan semula penerbangan antarabangsa secara berperingkat. Sementara itu, prestasi subsektor makanan & minuman dan penginapan kembali pulih dengan signifikan sebanyak 33.2% berikutan peningkatan berterusan dalam aktiviti berkaitan pelancongan sejajar dengan pemulihan ketara dalam kadar penginapan hotel dan bilangan pelanggan di restoran.


Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan kembali mencatat pertumbuhan sebanyak 22.8% pada 2022 disokong oleh peningkatan aktiviti dalam kedua-dua segmen.

Segmen hartanah bertambah baik terutamanya dalam aktiviti pajakan dan penyewaan harta tanah berikutan kadar faedah dan kos bahan binaan yang tinggi menyebabkan pemilikan harta tanah lebih mahal seterusnya menjadikan penyewaan sebagai alternatif yang lebih menarik. Demikian juga peningkatan dalam segmen perkhidmatan perniagaan dipacu oleh permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan profesional khususnya aktiviti guaman dan perakaunan. Di samping itu, subsektor maklumat dan komunikasi berkembang sebanyak 5.2% pada 2022 disokong oleh segmen telekomunikasi berikutan peningkatan penggunaan perkhidmatan e-dagang dan langganan pakej media penstriman termasuk pakej hiburan dan sukan. Pengembangan segmen ini turut disumbangkan oleh liputan jalur lebar yang lebih luas dan kelajuan internet yang lebih baik melalui inisiatif Jalanan Digital Negara (JENDELA).

Peningkatan permintaan produk pembuatan serta pembukaan semula semua sektor ekonomi menyumbang kepada subsektor utiliti yang berkembang sebanyak 3.8% berikutan penggunaan tenaga elektrik yang stabil oleh segmen perindustrian, perniagaan dan domestik. Sementara itu, subsektor kewangan dan insurans mencatat peningkatan marginal sebanyak 0.9% berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam segmen kewangan dan penguncupan dalam segmen insurans. Pertumbuhan lebih perlahan ini disebabkan oleh pemberian pinjaman yang lebih rendah dalam persekitaran kadar faedah yang meningkat serta tuntutan insurans lebih tinggi di samping premium dan pulangan pelaburan lebih rendah.

Subsektor perkhidmatan lain kembali meningkat sebanyak 9.2% berikutan segmen pendidikan dan kesihatan swasta bertambah baik sejajar dengan peningkatan pendaftaran kemasukan di kolej dan universiti swasta serta permintaan kukuh terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Peningkatan semula ini turut disokong oleh pemulihan dalam aktiviti sukan dan rekreasi berikutan peralihan negara kepada keadaan normal. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan meningkat sebanyak 4.7%.

RAJAH 1.1. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan



¹ Januari sehingga September

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holding Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas)


Sektor Pembuatan

Pengembangan berterusan yang stabil

Sektor pembuatan meningkat sebanyak 8.1% pada 2022 berikutan pengukuhan permintaan global dan pengembangan industri domestik yang terus menyokong aktiviti pengeluaran. Industri berorientasikan eksport yang merangkumi 69.2% daripada sektor pembuatan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.1%, manakala industri berorientasikan domestik berkembang sebanyak 10.3%. Bagi industri berorientasikan eksport, segmen E&E terus menerajui prestasi yang dipacu oleh permintaan kukuh daripada pasaran semikonduktor global terutamanya produk cip. Segmen bahan kimia juga bertambah baik disumbangkan oleh permintaan lebih tinggi untuk produk perindustrian terutamanya bagi penggunaan berkaitan digital berikutan penerimgunaan teknologi terkini yang lebih meluas.

Bagi industri berorientasikan domestik pula, semua segmen berkembang terutamanya didorong oleh segmen berkaitan pengangkutan, makanan dan logam. Normalisasi dalam aktiviti perindustrian dan perniagaan telah merangsang permintaan segmen berkaitan pengangkutan. Segmen berkaitan makanan juga mendapat manfaat daripada penggunaan swasta yang lebih tinggi dan peningkatan dalam industri pelancongan. Di samping itu, pemulihan dalam sektor pembinaan menyumbang kepada prestasi yang lebih baik untuk segmen berkaitan logam.

RAJAH 1.2. *Pengeluaran Sektor Pembuatan (% perubahan)*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pertanian

Subsektor kelapa sawit memacu pertumbuhan

Sektor pertanian kembali pulih sebanyak 0.1% pada 2022 terutamanya disokong oleh pemulihan subsektor kelapa sawit berikutan harga lebih kukuh, kemasukan semula pekerja asing dalam industri perladangan secara beransur-ansur dan peningkatan hasil buah tandan segar terutamanya dalam tempoh separuh kedua 2022. Pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) meningkat sebanyak

1.9% kepada 18.5 juta tan metrik terutamanya disumbangkan oleh pengeluaran lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Di samping itu, subsektor perikanan dan penternakan turut mendorong pertumbuhan sektor ini sebahagiannya disokong oleh pengembangan dalam segmen akuakultur dan ayam itik bagi memenuhi peningkatan permintaan daripada isi rumah dan perniagaan berkaitan makanan. Walau bagaimanapun, prestasi subsektor pertanian lain, perhutanan dan pembalakan serta getah yang menyusut telah memperlahankan pertumbuhan sektor ini.

Sektor Perlombongan

Pertumbuhan dipacu subsektor gas asli yang lebih kukuh

Sektor perlombongan meningkat sebanyak 3.4% pada 2022 disokong oleh prestasi subsektor gas asli yang lebih kukuh dan subsektor minyak mentah dan kondensat yang lebih baik terutamanya pada separuh kedua 2022. Subsektor gas asli terus memacu pertumbuhan sektor ini berikutan pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dari medan gas sedia ada dan baharu di Sarawak dan Terengganu. Sementara itu, pengoperasian semula medan minyak utama di Sabah telah menyokong subsektor minyak mentah dan kondensat.

Sektor Pembinaan

Aktiviti kukuh menyokong pertumbuhan

Sektor pembinaan kembali pulih sebanyak 5% pada 2022 terutamanya disumbangkan oleh prestasi positif subsektor bangunan bukan kediaman dan aktiviti pembinaan khas. Peningkatan permintaan bagi bangunan perindustrian telah disokong oleh pelaburan swasta yang bertambah baik dan aktiviti ekonomi domestik yang teguh. Di samping itu, penyegeraan pelaksanaan projek infrastruktur seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Rangkaian Sistem Transit Rapid (RTS) terus menyokong prestasi sektor ini. Pembangunan harta tanah kediaman kekal aktif didorong oleh pelaksanaan langkah di bawah Bajet 2022 termasuk jaminan kerajaan sehingga

RM2 bilion melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) serta projek perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dengan peruntukan berjumlah RM1.5 bilion.

Permintaan Domestik

Sektor swasta menerajui pertumbuhan

Permintaan domestik terus menerajui pertumbuhan dan berkembang sebanyak 9.2% pada 2022. Pengembangan ini didorong oleh perbelanjaan swasta yang kukuh dan meningkat sebanyak 10.4% berikutan permintaan domestik yang mengukuh, sokongan dasar yang berterusan dan aktiviti ekonomi yang rancak seiring dengan peralihan kepada fasa endemik. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam meningkat sebanyak 4.3% terutamanya disokong oleh perbelanjaan modal yang tinggi oleh syarikat awam.

JADUAL 1.2. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat, 2021 – 2023 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)		PERUBAHAN (%)	
	2022 ²	2021	2022 ²	2023 ³
Permintaan domestik	93.1	1.7	9.2	5.4
Perbelanjaan swasta	75.6	2.0	10.4	6.1
Penggunaan	60.2	1.9	11.3	6.1
Pelaburan	15.4	2.6	7.2	5.8
Perbelanjaan awam	17.5	0.6	4.3	2.5
Penggunaan	13.2	5.3	3.9	1.0
Pelaburan	4.4	-11.3	5.3	7.0
Sektor luar¹	5.4	-4.1	-1.8	13.0
Eksport	71.7	15.4	12.8	3.1
Import	66.3	17.7	14.2	2.3
KDNK	100.0	3.1	8.7	~4.5⁴

¹ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor

² Awalan

³ Unjuran

⁴ Sekitar

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 11.3% pada 2022 terutamanya didorong oleh pasaran buruh dan aktiviti pelancongan yang bertambah baik. Peluang pekerjaan semakin bertambah berikutan sokongan dasar berterusan oleh Kerajaan termasuk program

subsidi upah, JaminKerja Keluarga Malaysia dan *Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP). Di samping itu, langkah yang diambil oleh Kerajaan khususnya bantuan tunai untuk kumpulan sasar dan subsidi penggunaan ke atas barangan dan perkhidmatan terpilih telah membantu membendung tekanan inflasi seterusnya menyokong perbelanjaan pengguna.


Peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan dan perbelanjaan pelancong berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa, pengeluaran khas KWSP pada April 2022, Pilihan Raya Umum Ke-15 dan musim Piala Dunia FIFA juga menyumbang kepada pertumbuhan penggunaan swasta. Prestasi kukuh penggunaan swasta turut ditunjukkan melalui beberapa petunjuk penggunaan seperti jualan kereta penumpang yang meningkat sebanyak 41.8%, pengeluaran kredit penggunaan 33.3% dan import barangan penggunaan 24.1%. Pertumbuhan kukuh dalam penggunaan swasta juga seiring dengan peningkatan pendapatan e-dagang yang berkembang sebanyak 6.1% pada 2022.

Pelaburan swasta meningkat sebanyak 7.2% disumbangkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan sejajar dengan beberapa petunjuk pelaburan seperti import barangan pengantara yang meningkat sebanyak 29.3% dan barangan modal 15.9%. Seiring dengan aktiviti ekonomi domestik yang bertambah baik, Malaysia terus mencatat pelaburan asing yang menggalakkan. Prestasi ini dicerminkan oleh peningkatan pelaburan yang diluluskan sebanyak 2.5% bernilai RM193.7 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 2022 dengan pelaburan asing kekal sebagai penyumbang utama sebanyak RM130.7 bilion. Pelaburan langsung asing (FDI) juga mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM73.3 bilion pada 2022 berbanding RM48.1 bilion pada 2021 terutamanya dalam sektor pembuatan, kewangan dan aktiviti insurans/takaful serta maklumat dan komunikasi. Negara utama yang menyumbang kepada aliran masuk FDI bersih termasuk AS, Singapura dan Jepun.

Pelaburan awam meningkat sebanyak 5.3% terutamanya disumbangkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh syarikat awam. Perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan terus mengutamakan pelaburan dengan impak pengganda yang tinggi kepada ekonomi seperti Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) serta projek bekalan air dan elektrik luar bandar di seluruh negara. Sementara itu, penggunaan awam meningkat sebanyak 3.9% didorong oleh peningkatan dalam perkhidmatan dan bekalan terutamanya dalam sektor berkaitan kesihatan.

Pendapatan negara nominal mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 14.7% pada 2022. Sementara itu, tabungan negara kasar (TNK) dan jumlah pelaburan kekal signifikan sebanyak 27.5% dan 24.8% daripada pendapatan negara kasar (PNK). Oleh itu, jurang tabungan-pelaburan merekodkan lebih RM47.2 bilion atau 2.7% daripada PNK seterusnya menyediakan mudah tunai yang mencukupi untuk membiayai aktiviti ekonomi domestik.

RAJAH 1.3. Jurang Tabungan-Pelaburan (% daripada PNK)



¹Awalan

²Unjuran

³Termasuk perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Luar Negeri

Prestasi yang terus memberangsangkan

Prestasi Perdagangan

Jumlah dagangan meningkat sebanyak 27.8% kepada RM2,848.4 bilion pada 2022 disokong oleh permintaan luar yang kukuh dan aktiviti ekonomi domestik yang rancak di sebalik konflik Rusia-Ukraine dan langkah pembendungan COVID-19 yang berpanjangan di China. Lebihan dagangan juga berkembang sebanyak 0.6% kepada RM255.1 bilion.

Eksport kasar melonjak sebanyak 25% kepada RM1,551.7 bilion pada 2022 didorong oleh permintaan luar yang kukuh daripada rakan dagang utama berikutan penggunaan teknologi dan digitalisasi yang meluas pada peringkat global. Eksport barangan pembuatan berkembang sebanyak 22.3% kepada RM1,306.7 bilion disumbangkan oleh permintaan lebih tinggi bagi produk E&E iaitu sebanyak 30.2% dan bukan E&E 16.4%.

Eksport produk E&E yang tinggi dipacu oleh permintaan yang kukuh untuk semikonduktor; kelengkapan peralatan telekomunikasi dan peralatan pemprosesan data automatik. Eksport produk E&E ke pasaran utama meningkat terutamanya ke AS, Singapura, China dan Hong Kong. Eksport yang lebih tinggi bagi produk bukan E&E juga direkodkan untuk produk petroleum; jentera, kelengkapan dan peralatan; barangan optik dan saintifik serta kimia dan produk kimia apabila aktiviti ekonomi global meningkat.

Sementara itu, Malaysia sebagai negara pengeksport komoditi bersih mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi. Eksport barangan pertanian meningkat sebanyak 23.3% kepada RM120.9 bilion didorong permintaan terhadap minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta pertanian lain. Eksport barangan perlombongan turut meningkat sebanyak 67.7% disokong oleh peningkatan eksport petroleum mentah (71.7%) dan gas asli cecair (LNG) (78%) berikutan permintaan global yang tinggi.

JADUAL 1.3. *Perdagangan Luar Negeri, 2021 – 2023*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²
Jumlah dagangan	2,228,366	2,848,372	2,887,393	24.9	27.8	1.4
Eksport kasar	1,241,022	1,551,736	1,575,859	26.1	25.0	1.6
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	1,068,431	1,306,665	1,327,302	25.8	22.3	1.6
Pertanian	98,093	120,939	122,536	36.8	23.3	1.3
Perlombongan	69,757	117,014	118,809	19.4	67.7	1.5
Import kasar	987,344	1,296,636	1,311,533	23.3	31.3	1.1
<i>antaranya:</i>						
Barangan pengantara	545,801	705,738	715,352	27.2	29.3	1.4
Barangan modal	103,823	120,324	121,779	14.4	15.9	1.2
Barangan penggunaan	83,893	104,133	105,213	13.2	24.1	1.0
Imbangan dagangan	253,678	255,100	264,326	38.4	0.6	3.6


¹ Awalan

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 1.4. Rakan Dagang 10 Teratas,
Januari – Disember 2022
(% bahagian)



Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import kasar melonjak sebanyak 31.3% kepada RM1,296.6 bilion pada 2022 disokong oleh barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan selaras dengan pengembangan ekonomi domestik susulan pembukaan semula ekonomi. Barangan pengantara meningkat sebanyak 29.3% berikutan import lebih tinggi bagi bahan api dan pelincir; alat ganti dan aksesori serta bekalan perindustrian. Selain itu, barangan modal berkembang sebanyak 15.9% terutamanya disumbangkan oleh kelengkapan pengangkutan untuk pengeluaran perindustrian manakala barangan penggunaan meningkat sebanyak 24.1% berikutan import lebih tinggi bagi barang pengguna tahan lama serta makanan dan minuman terutamanya untuk kegunaan isi rumah.

Imbangan Pembayaran

Pada 2022, lebih akaun semasa imbalan pembayaran mengecil kepada RM47.2 bilion atau 2.7% daripada PNK. Lebihan yang lebih kecil ini disebabkan oleh defisit yang lebih tinggi dalam akaun pendapatan. Perkara ini berikutan lebihan yang terus dicatatkan dalam akaun barangan dan defisit yang lebih kecil dalam akaun perkhidmatan.

Akaun barangan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM169.3 bilion dipacu oleh peningkatan eksport barangan pembuatan, pertanian dan perlombongan. Sementara itu, akaun perkhidmatan mencatat defisit yang lebih kecil sebanyak RM45.4 bilion berikutan peningkatan terimaan dalam akaun

perjalanan serta defisit lebih kecil dalam akaun pengangkutan dan akaun perkhidmatan lain. Peningkatan ketibaan pelancong pada 2022 menyumbang kepada defisit lebih kecil dalam akaun perjalanan iaitu sebanyak RM1.8 bilion berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Akaun perkhidmatan lain juga mencatat defisit lebih kecil iaitu sebanyak RM9.8 bilion disumbangkan oleh peningkatan terimaan bagi perkhidmatan perniagaan lain; perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain; serta pembinaan. Akaun pengangkutan turut mencatat defisit yang lebih besar iaitu sebanyak RM33.9 bilion berikutan bayaran lebih tinggi disebabkan oleh kebergantungan berterusan terhadap

perkhidmatan pengangkutan asing di samping pengembangan dalam aktiviti perdagangan.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit lebih tinggi sebanyak RM63.6 bilion pada 2022 berikutan pengurangan pendapatan pelaburan dan peningkatan aliran keluar pendapatan berjumlah RM137.8 bilion. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh penghantaran pulang keuntungan dan dividen oleh pelabur asing di Malaysia. Selain itu, pampasan pekerja mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM7.1 bilion disebabkan oleh peningkatan bilangan profesional asing di Malaysia berikutan penerusan semula projek berimpak tinggi.

JADUAL 1.4. *Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2021 – 2023*
(RM juta)

	2021			2022 ¹			2023 ²		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
Imbangan barangan dan perkhidmatan	1,063,817	953,972	109,845	1,320,329	1,196,459	123,870	1,438,458	1,294,548	143,910
Barangan	977,076	806,503	170,573	1,181,380	1,012,092	169,288	1,274,754	1,099,511	175,243
Perkhidmatan	86,741	147,469	-60,728	138,949	184,367	-45,418	163,704	195,037	-31,333
Pengangkutan	15,455	47,907	-32,452	25,672	59,536	-33,864	29,223	62,929	-33,706
Perjalanan	320	14,884	-14,563	27,853	29,632	-1,780	49,350	37,954	11,396
Perkhidmatan lain	70,965	84,679	-13,713	85,424	95,198	-9,775	85,131	94,154	-9,023
Pendapatan primer	98,166	139,716	-41,551	88,564	152,119	-63,555	89,386	152,284	-62,898
Pampasan pekerja	6,487	13,090	-6,603	7,214	14,351	-7,137	7,136	15,695	-8,559
Pendapatan pelaburan	91,679	126,627	-34,948	81,350	137,768	-56,418	82,250	136,589	-54,339
Pendapatan sekunder	20,503	30,098	-9,594	24,263	37,374	-13,110	20,275	46,115	-25,840
Imbangan akaun semasa	1,182,486	1,123,787	58,700	1,433,157	1,385,952	47,205	1,548,119	1,492,948	55,172
% daripada PNK			3.9			2.7			3.0

¹Awalan


²Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Terimaan dalam akaun pendapatan sekunder pada 2022 meningkat kepada RM24.3 bilion berikutan penerimaan *one-off* dan kiriman wang masuk yang lebih tinggi oleh rakyat Malaysia bekerja di luar negara. Bayaran dalam akaun pendapatan sekunder meningkat kepada RM37.4 bilion menyebabkan defisit lebih tinggi sebanyak RM13.1 bilion. Setelah aktiviti ekonomi kembali normal dan gaji minimum disemak semula, bayaran meningkat berikutan kiriman wang keluar lebih tinggi oleh pekerja asing dari Indonesia, Bangladesh, India, Singapura dan Nepal.

Akaun kewangan merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM14.8 bilion pada 2022 berbanding RM13 bilion pada 2021. Perkara ini disumbangkan oleh aliran masuk bersih yang meningkat dengan ketara dalam akaun pelaburan lain yang melebihi aliran keluar bersih akaun pelaburan portfolio dan akaun derivatif kewangan serta aliran masuk bersih yang lebih rendah dalam akaun pelaburan langsung. Selain itu, FDI mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM73.3 bilion terutamanya disalurkan dalam sektor pembuatan, aktiviti kewangan dan insurans/takaful serta sektor maklumat dan komunikasi. Aliran keluar bersih pelaburan langsung ke luar negara oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM57.3 bilion. Aliran keluar terutamanya disalurkan dalam aktiviti kewangan dan insurans/takaful, sektor perdagangan borong dan runcit serta sektor perlombongan dan pengkuarian.

RAJAH 1.5. Rizab Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia

Harga


Bebanan inflasi makanan berterusan

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat pada kadar 3.3% disebabkan oleh tekanan ke atas harga makanan segar tertentu yang berpunca daripada kenaikan harga komoditi bukan tenaga serta peningkatan permintaan pascapandemik. Inflasi makanan

dan minuman bukan alkohol kekal tinggi sepanjang tahun dengan merekodkan 5.8% pada 2022 berbanding 1.7% pada 2021. Walau bagaimanapun, peningkatan ini telah dibendung oleh kawalan harga sedia ada dan peruntukan subsidi bagi item barangan keperluan terpilih.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) berdasarkan pengeluaran tempatan meningkat sebanyak 7.8% disebabkan oleh harga komoditi global yang lebih tinggi terutamanya minyak mentah dan gas asli. Peningkatan IHPR didorong oleh kenaikan dalam sektor perlombongan (12.6%), pembuatan (8.4%) serta bekalan air (2.6%).

RAJAH 1.6. Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pasaran Buruh


Pemulihan kukuh dalam pasaran buruh

Aktiviti sosioekonomi yang pesat dan pelaksanaan pelbagai inisiatif penstabilan pekerjaan yang berkesan telah merangsang pemulihan pasaran buruh daripada kesan pandemik. Ekonomi telah berjaya kembali kepada tahap guna tenaga penuh bermula pada suku kedua 2022. Walaupun pengangguran masih

belum kembali kepada trajektori prapandemik, namun kebanyakan penunjuk pasaran buruh yang lain seperti pewujudan pekerjaan, kekosongan dan pemberhentian pekerja telah mencatatkan pemulihan ketara disumbangkan oleh permintaan buruh yang tinggi dalam semua sektor ekonomi. Meskipun kadar pengangguran belia masih mencatat angka dua digit, namun telah menunjukkan trend penurunan. Kadar pengangguran keseluruhan bagi 2022 dijangka antara 3.8% - 4%.

RAJAH 1.7. Kekosongan dan Pewujudan Jawatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 1.8. Pemberhentian Pekerja dan Pengangguran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia

Tinjauan Ekonomi Global 2023

Prospek pertumbuhan sederhana

Berdasarkan unjuran IMF, ekonomi global dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.9% pada 2023 disebabkan oleh pertumbuhan perlahan di China berikutan krisis pasaran hartanah yang semakin meruncing dan kesan limpahan daripada konflik geopolitik di Eropah Timur. Pertumbuhan ekonomi maju dijangka terus menyederhana kepada 1.2% manakala pertumbuhan KDNK dalam EMDE diunjur stabil pada 4%.

Perdagangan global diunjur mencatat 2.4% terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan output global yang dijangka lebih perlahan. Perdagangan dalam ekonomi maju dianggar mencatat pertumbuhan eksport sebanyak 2.5% dan import 2%. Pertumbuhan eksport dan import dalam EMDE juga dijangka berkembang perlahan sebanyak 2.9% dan 3%.

Pada 2023, inflasi global diunjur pada paras 6.6% mencerminkan keyakinan bahawa inflasi akan berkurang apabila kebanyakan bank pusat dalam kalangan ekonomi maju mengetatkan dasar monetari. Kadar inflasi dalam kalangan ekonomi maju dijangka merekodkan 4.6% manakala EMDE 8.1%.

Tinjauan Ekonomi Malaysia 2023

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Terus memacu pertumbuhan

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang sebanyak 5.3% pada 2023 dipacu oleh permintaan domestik walaupun aktiviti global menyederhana. Pertumbuhan ini terus didorong oleh subsektor perdagangan borong

dan runcit; pengangkutan dan penyimpanan; maklumat dan komunikasi; makanan & minuman dan penginapan; serta kewangan dan insurans.

Subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka berkembang dan kekal sebagai subsektor utama berikutan penggunaan e-dagang yang lebih meluas dan peralihan pantas kepada digitalisasi. Peningkatan transaksi dalam talian adalah selaras dengan matlamat mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai. Segmen kenderaan bermotor juga dijangka menyokong pertumbuhan subsektor dengan pengenalan model baharu kenderaan elektrik (EV).

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang diterajui oleh segmen perkhidmatan perniagaan berikutan permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan profesional khususnya kejuruteraan, guaman dan perakaunan. Sementara itu, segmen hartanah diunjur meningkat disokong oleh permintaan pasaran perumahan dan aktiviti penyewaan yang lebih kukuh.

Subsektor maklumat dan komunikasi dijangka terus berkembang terutamanya dipacu oleh penerimgunaan digital yang lebih meluas oleh perniagaan dan individu khususnya penggunaan *Fixed Wireless Access* dan teknologi lain yang bersesuaian. Di samping itu, usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi dalam infrastruktur berkaitan digital seperti pusat data dan perkhidmatan pengkomputeran awan serta peningkatan berterusan aktiviti penstriman dalam talian akan melonjakkan lagi prestasi subsektor ini.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan diunjur berkembang dengan kebanyakan segmen disokong oleh pengembangan dalam aktiviti rel, lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang. Segmen pengangkutan darat dijangka meningkat berikutan pengoperasian Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya, Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam

dan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang. Di samping itu, segmen pengangkutan udara dijangka berkembang seiring dengan pertambahan trafik penumpang dan pergerakan pesawat susulan aktiviti berkaitan pelancongan yang terus bertambah baik dan peningkatan kekerapan penerbangan. Sementara itu, segmen pengangkutan air diunjur menyederhana berikutan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan dijangka meneruskan momentum pertumbuhan sejajar dengan pelaksanaan berterusan bagi inisiatif di bawah Pelan Pemulihan Pelancongan 2022. Pelan pemulihan ini menumpu kepada pengukuhan pemain industri untuk kekal berdaya saing dan berdaya tahan. Inisiatif tersebut termasuk kerjasama dengan pemain industri untuk mengenal pasti dan menghasilkan produk pelancongan dan kebudayaan yang memenuhi citarasa pelancong serta mempelbagaikan acara perniagaan ke arah aktiviti baru muncul. Di samping itu, pertambahan cawangan francais makanan dan minuman dijangka terus merencanakan subsektor ini.

Subsektor kewangan dan insurans dijangka meningkat susulan aktiviti ekonomi yang bertambah baik. Pelan Sektor Kewangan, 2022 - 2026 dijangka meningkatkan prestasi segmen kewangan melalui pelaksanaan teras strategik antara lain memajukan digitalisasi dalam sektor kewangan serta meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan. Segmen insurans pula dijangka kembali pulih berikutan peningkatan premium dan pulangan pelaburan di samping tuntutan yang lebih rendah.

Subsektor utiliti dijangka terus bertambah baik didorong oleh permintaan stabil dalam segmen elektrik dan gas seiring dengan aktiviti ekonomi yang berterusan. Di samping itu, peluasan sambungan grid di bawah projek elektrifikasi luar bandar dijangka terus merangsang pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor perkhidmatan lain dijangka berkembang disokong oleh segmen kesihatan dan pendidikan swasta. Usaha meluas Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) dalam forum antarabangsa untuk mempromosikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, boleh diakses dan berpatutan serta pembukaan semula sempadan akan melonjakkan prestasi segmen kesihatan swasta. Dalam hal ini, MHTC menganggarkan hasil pelancongan penjagaan kesihatan meningkat sebanyak 30% kepada lebih daripada RM1.5 bilion pada 2023. Segmen pendidikan swasta juga dijangka kekal memberangsangkan sejajar dengan bilangan pelajar asing yang menggalakkan berikutan yuran pendidikan yang kompetitif ditawarkan oleh institusi pendidikan swasta. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan dijangka terus berkembang pada 2023.

Sektor Pembuatan

Terus berkembang dalam keadaan aktiviti ekonomi yang menyederhana

Sektor pembuatan diunjur meningkat sebanyak 3.9% pada 2023 didorong oleh pengembangan dalam semua subsektor walaupun dalam keadaan aktiviti ekonomi yang menyederhana. Industri berorientasikan eksport dijangka berkembang kukuh dengan segmen E&E terus memacu pertumbuhan sektor. Pengeluaran dalam industri berorientasikan domestik turut diunjur bertambah baik disokong oleh output yang lebih tinggi dalam segmen besi dan keluli serta segmen berkaitan pembinaan lain. Pertumbuhan ini sejajar dengan potensi pengembangan dalam aktiviti pembinaan berkaitan kediaman dan bukan kediaman serta penerusan beberapa projek infrastruktur.

Sektor Pertanian

Pertumbuhan disokong pasaran buruh yang mengukuh

Sektor pertanian diunjur berkembang sebanyak 1.1% pada 2023 berikutan peningkatan dalam subsektor kelapa sawit, penternakan dan

perikanan. Subsektor kelapa sawit dijangka berkembang didorong oleh pengeluaran MSM lebih tinggi berikutan penawaran tenaga buruh yang bertambah baik. Seiring dengan jangkaan pengeluaran yang lebih baik, harga purata MSM diunjur sekitar RM4,000 setan. Tambahan pula, faktor luaran termasuk ketersediaan bekalan minyak boleh dimakan yang lain dijangka mempengaruhi harga MSM. Subsektor ternakan dan perikanan dijangka terus meningkat dan menyokong pertumbuhan sektor ini. Prestasi ini didorong oleh usaha bersepadu untuk memperkukuh keterjaminan makanan. Namun begitu, subsektor getah serta perhutanan dan pembalakan diunjur mencatat pertumbuhan negatif pada 2023.

Sektor Perlombongan

Berkembang namun pada kadar lebih perlahan

Penyiapan projek saluran paip baharu di Sarawak dijangka merencanakan pengeluaran gas asli, terutamanya pada separuh kedua 2023. Selain itu, peningkatan permintaan daripada rakan dagang utama serta permintaan baharu daripada segmen industri dan petrokimia domestik dijangka terus menyokong pertumbuhan subsektor gas asli. Namun begitu, pengeluaran minyak mentah dan kondensat diunjur menyederhana berikutan penurunan kadar pengeluaran daripada medan sedia ada di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, sektor perlombongan dianggarkan berkembang sebanyak 1.2% pada 2023. Dari aspek harga, minyak mentah Brent diunjur mencatat purata sebanyak USD80 setong berikutan jangkaan permintaan yang lebih rendah disebabkan oleh ekonomi global yang menyederhana.

Sektor Pembinaan

Pengukuhan aktiviti ke arah berdaya tahan

Sektor pembinaan diunjur meningkat sebanyak 6.1% pada 2023 berikutan prestasi lebih baik dalam semua subsektor. Pelaksanaan projek baharu seperti menaik taraf Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) Fasa 2 dan

penyegeeraan pelaksanaan projek infrastruktur yang sedang dalam pembinaan termasuk ECRL, LRT3 dan pelaksanaan rangkaian selular generasi kelima (5G) dijangka menerajui subsektor kejuruteraan awam. Tambahan pula, projek pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan diunjur dapat meningkatkan permintaan bagi bangunan bukan kediaman. Aktiviti dalam subsektor bangunan kediaman dijangka berkembang dengan stabil didorong oleh peningkatan dalam penawaran rumah mampu milik selaras dengan strategi RMKe-12. Di samping itu, penerusan insentif i-MILIKI bagi menggalakkan pemilikan rumah dijangka dapat merangsang permintaan terhadap bangunan kediaman.

Permintaan Domestik

Terus memacu pertumbuhan

Permintaan domestik diunjur berkembang sebanyak 5.4% pada 2023 walaupun berhadapan dengan jangkaan persekitaran global yang mencabar. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang dijangka berkembang sebanyak 6.1%. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam diunjur meningkat sebanyak 2.5%.

Penambahbaikan pasaran buruh yang berterusan serta peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial terutamanya aktiviti berkaitan pelancongan berikutan pembukaan semula sempadan China dijangka menyokong pertumbuhan penggunaan swasta sebanyak 6.1% meskipun pada kadar yang sederhana. Unjuran perbelanjaan pengguna yang menyederhana adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan yang semakin perlahan berikutan pengurangan impak pengeluaran khas KWSP serta kesan tertangguh (*lag effect*) kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR). Namun begitu, usaha berterusan Kerajaan bagi membendung inflasi, pemberian Sumbangan Tunai Rahmah untuk kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) serta bantuan khas kewangan RM700 kepada penjawat awam dan RM350 kepada pesara

Kerajaan pada Januari 2023 dijangka dapat menyokong pendapatan boleh guna isi rumah dan merangsang perbelanjaan swasta.

Pelaburan swasta dijangka meningkat sebanyak 5.8% terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan didorong oleh usaha Kerajaan untuk meningkatkan tadbir urus yang baik, mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan memudah cara kelulusan pelaburan yang lebih pantas. Pelbagai langkah akan dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing dan ekosistem pelaburan Malaysia yang dijangka dapat merangsang lebih banyak pelaburan berkualiti seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Langkah tersebut termasuk penubuhan dana dan pemberian insentif untuk menyokong penerimgunaan digitalisasi, teknologi termaju, automasi, teknologi hijau serta amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang lebih meluas dalam kalangan perniagaan. Tumpuan Kerajaan terhadap peningkatan kapasiti perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dijangka terus mendorong pertumbuhan pelaburan swasta.

Perbelanjaan modal sektor awam terus menjadi pelengkap kepada pelaburan sektor swasta. Projek utama yang dijangka bermula pada 2023 ialah projek menaik taraf KVDT Fasa 2. Penerusan projek berkaitan pengangkutan berskala besar seperti LRT3, ECRL dan RTS juga akan merencanakan pelaburan awam. Keseluruhannya, pelaburan awam dijangka meningkat sebanyak 7% pada 2023. Penggunaan awam turut dijangka berkembang sebanyak 1% berikutan perbelanjaan lebih tinggi bagi emolumen terutamanya disebabkan oleh Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas untuk kakitangan awam.

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang menyederhana, PNK pada harga semasa dijangka berkembang sebanyak 5.8% pada 2023. Sementara itu, TNK dan jumlah pelaburan dijangka mencatat 25.4% dan 22.4% daripada PNK. Jurang tabungan-pelaburan dijangka terus mencatat lebih sebanyak

RM55.2 bilion atau 3% daripada PNK yang membolehkan negara membiayai pelaburan terutamanya daripada sumber domestik.

Sektor Luar Negeri

Pertumbuhan menyederhana susulan ketidaktentuan global yang berterusan

Pada 2023, eksport kasar diunjur menyederhana sebanyak 1.6% merentasi semua sektor. Jangkaan kelembapan permintaan luar adalah disebabkan oleh pertumbuhan yang kurang memberangsangkan berikutan ketidakstabilan geopolitik berterusan serta unjuran harga komoditi global lebih rendah.

Eksport barangan pembuatan dijangka meningkat sebanyak 1.6% disokong oleh permintaan berterusan bagi produk E&E iaitu 45.5% daripada jumlah eksport barangan pembuatan dan produk bukan E&E sebanyak 55.5%. Produk E&E dijangka berkembang sebanyak 1.8% berikutan permintaan berterusan untuk semikonduktor terutamanya litar bersepadu elektronik, pemproses dan kawalan sejajar dengan inovasi teknologi di seluruh dunia. Selain itu, eksport produk bukan E&E dianggar berkembang sebanyak 1.4% berikutan peningkatan dalam permintaan terutamanya bagi produk petroleum, kimia dan produk kimia serta barangan pembuatan logam walaupun aktiviti ekonomi global menyederhana.

Eksport barangan pertanian diunjur berkembang sebanyak 1.3% pada 2023 disokong oleh permintaan lebih tinggi untuk minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit. Tambahan pula, pendapatan eksport daripada barangan perlombongan dianggar meningkat sebanyak 1.5% disumbangkan oleh permintaan lebih kukuh daripada pasaran utama khususnya untuk LNG (1.5%) meskipun permintaan untuk petroleum mentah (2.2%) menyederhana dalam kalangan rakan dagang utama.

Import kasar dijangka meningkat sebanyak 1.1% pada 2023 berikutan permintaan tinggi untuk barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan yang menunjukkan permintaan domestik dan aktiviti pelaburan yang bertambah baik. Import barangan pengantara dijangka meningkat sebanyak 1.4% berikutan pengembangan sektor pembuatan dan pembinaan domestik. Import barangan modal juga diunjur meningkat sebanyak 1.2% susulan penerusan semula projek infrastruktur termasuk ECRL, LRT3 dan pelaksanaan 5G. Selain itu, apabila perbelanjaan swasta terus meningkat seiring dengan peningkatan keyakinan pengguna, import barangan penggunaan diunjur turut berkembang sebanyak 1% didorong oleh makanan dan minuman.

Imbangan akaun semasa dijangka terus mencatat lebih sebanyak RM55.2 bilion atau 3% daripada PNK pada 2023. Walaupun permintaan daripada rakan dagang utama diunjur perlahan disebabkan pertumbuhan global yang menyederhana, namun akaun barangan dianggar terus mencatat lebih sebanyak RM175.2 bilion. Peningkatan terimaan dalam akaun pengangkutan dan perjalanan dijangka akan mengecilkan defisit dalam akaun perkhidmatan kepada RM31.3 bilion. Terimaan daripada perkhidmatan pengangkutan diunjur meningkat kepada RM29.2 bilion didorong oleh pendapatan lebih tinggi daripada perkhidmatan pengangkutan udara dan pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat domestik. Selain itu, kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan pengangkutan asing dijangka meningkatkan bayaran untuk pengangkutan kepada RM62.9 bilion di sebalik pengembangan aktiviti perdagangan.

Aktiviti pelancongan yang kembali rancak pada 2023 dijangka akan memulihkan akaun perjalanan untuk mencatat lebih berjumlah RM11.4 bilion. Terimaan daripada akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM49.4 bilion berikutan ketibaan pelancong dan perbelanjaan per kapita yang lebih tinggi.

Sementara itu, bayaran dijangka mencatat RM38 bilion disebabkan oleh perbelanjaan penduduk Malaysia di luar negara serta aktiviti perniagaan, pendidikan dan keagamaan. Sebaliknya, akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit lebih rendah berjumlah RM9 bilion disebabkan oleh terimaan dan bayaran yang lebih kecil selari dengan aktiviti ekonomi global yang lebih perlahan.

Defisit yang mengecil berjumlah RM62.9 bilion diunjur dalam akaun pendapatan primer disumbangkan oleh terimaan secara marginal dalam pendapatan pelaburan walaupun bayaran lebih rendah oleh pelabur asing sejajar dengan kelembapan ekonomi global. Selain itu, penerimgunaan yang pantas dalam digitalisasi dan automasi dijangka meningkatkan pampasan untuk profesional asing seterusnya menyumbang kepada defisit lebih besar. Akaun pendapatan sekunder dijangka mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi berjumlah RM25.8 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam bayaran *one-off* dan kiriman wang keluar oleh pekerja asing.

Harga

Inflasi kekal terkawal

Kadar inflasi dijangka mencatat antara 2.8% – 3.8% pada 2023 berikutan prospek ekonomi yang lebih perlahan serta harga komoditi yang lebih stabil. Walau bagaimanapun, tinjauan inflasi juga akan dipengaruhi oleh turun naik dalam kadar pertukaran mata wang asing serta gangguan bekalan berterusan. Secara empirikal, perubahan bagi satu mata peratusan untuk kadar pertukaran mata wang asing dan harga minyak mentah akan menyebabkan impak 0.337 dan 0.112 mata peratusan terhadap inflasi¹. Sementara itu, IHPR dijangka menyederhana disumbangkan oleh kos input global yang stabil.

Pasaran Buruh

Momentum pemulihan yang berterusan

Momentum pemulihan pasaran buruh dijangka berterusan selaras dengan jangkaan trend pertumbuhan ekonomi yang kekal menggalakkan pada 2023. Pertumbuhan dalam semua sektor ekonomi dan keperluan lebih ramai pekerja bagi menyokong permintaan domestik yang tinggi akan mendorong kepada peningkatan permintaan buruh. Penerusan dasar yang akomodatif untuk memudah cara penyediaan pekerja yang mencukupi bagi menyokong aktiviti perniagaan khususnya dalam industri berintensif buruh akan menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya dalam kalangan belia. Justeru, jumlah guna tenaga dijangka terus meningkat sebanyak 1.7% kepada 15.6 juta orang dengan lebih 80% peluang guna tenaga dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sehubungan itu, pengangguran diunjur terus berkurang kepada 3.5% – 3.7%. Usaha berterusan untuk menarik pelaburan berkualiti dan mempercepat digitalisasi juga akan membolehkan pewujudan lebih banyak pekerjaan bergaji tinggi dan berproduktiviti tinggi dalam ekonomi. Langkah tersebut akan menyumbang kepada prospek pendapatan yang lebih baik kepada tenaga kerja dan peningkatan pampasan pekerja secara keseluruhan.

JADUAL 1.5. Penduduk Bekerja mengikut Sektor

	BAHAGIAN (%)	
	2022 ²	2023 ³
Pertanian, perhutanan dan perikanan	9.1	10.0
Perlombongan dan pengkuarian	0.3	0.5
Pembuatan	17.0	16.6
Pembinaan	7.5	7.6
Perkhidmatan	66.0	65.3
Jumlah¹	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'

² Merujuk kepada S4 2022

³ Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

¹ Kementerian Kewangan Malaysia. (2018). Penentu Inflasi di Malaysia. Tinjauan Ekonomi 2019, 75-77

Kesimpulan

Ekonomi global mencatat pertumbuhan sederhana pada 2022 dan dijangka perlahan pada 2023. Pertumbuhan sederhana ini disebabkan oleh cabaran yang mungkin dihadapi akibat gangguan rantaian bekalan yang berpanjangan, dasar monetari yang lebih ketat oleh bank pusat utama serta ketegangan geopolitik.

Sementara itu, ekonomi Malaysia mencatat prestasi memberangsangkan pada 2022 dan dijangka menghadapi prospek pertumbuhan sederhana pada 2023. Unjuran ini disokong oleh permintaan domestik yang stabil terutamanya daripada perbelanjaan isi rumah sejajar dengan pemulihan pasaran buruh. Tambahan pula, sumbangan sektor

berkaitan pelancongan dijangka bertambah baik berikutan ketibaan jumlah pelancong yang lebih tinggi. Penyegeeraan projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi, pertumbuhan kukuh dalam pelaburan swasta dan permintaan luar yang berterusan terutamanya daripada rakan dagang utama akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi.

Melangkah ke hadapan, usaha akan dipergiat untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama. Pelbagai langkah akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan dan memperkukuh potensi ekonomi supaya Malaysia menjadi lebih berdaya saing, mampan dan inklusif. Kerajaan akan terus menyediakan sokongan dasar kitaran balas serta mempercepat pembaharuan struktural untuk memperkukuh prospek pertumbuhan dan daya tahan negara.

Rujukan

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Laporan survei tenaga buruh suku tahun keempat 2022*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022a). *Statistik guna tenaga: Suku tahun keempat 2022*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022b). *Statistik siri masa survei tenaga buruh (PTB) mengikut negeri, 1982-2021*.

Kementerian Kewangan Malaysia. (2018). *Penentu inflasi di Malaysia*. Tinjauan Ekonomi 2019, 75-77.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (2020), *Dasar Sekuriti Makanan Negara (2021 -2025)*

Pertubuhan Keselamatan Sosial, (2022). *Popular statistics*. <https://eiscentre.perkeso.gov.my/popular-statistics-download>

Persatuan Automotif Malaysia. (2023). *Market review 2022*. http://www.maa.org.my/pdf/2022/Market_Review_2022.pdf